

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA  
Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1986/87  
HHT 201 - Teori-Teori Seni

Tarikh: 15 April 1987

Masa: 9.00 pagi - 12.00 t/hari  
( 3 Jam )

Jawab TIGA(3) soalan.

Tuliskan jawapan anda dengan jelas, tepat dan ringkas.

1. "Pengakuan yang paling unggul tentang daya tarik estetik sesuatu karya seni ialah bahawa ianya masih boleh menawan hati kita bila dipamerkan di luar konteksnya samasekali di dalam suasana muzium yang paling 'dibuat-buat' (artificial). Namun begitu, seni adalah suatu manifestasi budaya yang akhirnya hanya dikenali serta difahami (berbeza dari 'dihayati') dari segi budaya asalnya." (Roy Sieber, The Aesthetics of Traditional African Art, di dalam ART AND AESTHETICS IN PRIMITIVE SOCIETIES, New York, Dutton, 1971, muka surat 127).

Bincangkan secara kritis fahaman anda akan maksud Roy Sieber ini sehubungan dengan pendekatan kepada "seni primitif". Bagaimanakah sebenarnya, karya "seni primitif" itu menawan hati kita di dalam suasana muzium? Apakah yang dimaksudkan dengan "seni adalah suatu manifestasi budaya"? Apakah bezanya di antara "mengenali serta memahami" dan "menghayati"?

2. Bincangkan masalah-masalah penggunaan istilah "primitif" di dalam mengkaji kesenian masyarakat-masyarakat yang difahamkan sebagai tradisional. Apakah yang lazimnya dimaksudkan dengan perkataan "primitif"? Apakah "fahaman seni" yang dianuti oleh mereka yang mengelaskan kesenian tertentu sebagai "seni primitif"?
3. Sebahagian besar dari masyarakat-masyarakat yang digolongkan ke dalam kategori "Dunia keempat" telah mengalami perubahan atau "akulturasi", yakni "fenomena yang berakibat daripada pertemuan di antara kumpulan-kumpulan yang berlainan budaya, yang membawa perubahan kepada budaya asal salah satu daripada kumpulan yang

terlibat atau kedua-duanya" (Redfield, Linton dan Heskovits 1936:149). Nelson Graburn menamakan kesenian yang terhasil daripada pengalaman ini "kesenian akulturasi" (arts of acculturation), yakni "penghasilan seni yang berbeza dengan penting sekali dari pernyataan tradisional (traditional expressions) dari segi bentuk, intisari, fungsi, dan bahantara, serta juga berbeza dari bentuk-bentuk penghasilan seni yang pelbagai yang dianggap sebagai hasil seni "tamadun". (International Social Science Journal 21: 1969:457).

Dengan ringkas, huraikan apa yang telah berlaku dalam penghasilan "kesenian akulturasi" dalam proses perubahan artistik, mengikut Graburn, yang membahagikan proses tersebut kepada tujuh bahagian: Keluputan; Seni Halus Tradisional atau Fungsional; Seni halus Komersial; Kenangan; Kesenian Diintegrasikan Semula; Seni Halus Asimilasi; Kesenian Populer. (Nelson Graburn, Ed., ETHNIC AND TOURIST ARTS, Los Angeles, University of California Press, 1976:5).

4. Mengikut Alfred Neumeyer "salah satu daripada ciri-ciri utama kesenian moden ialah kejelasan umumnya (general intelligibility) adalah terhad." (THE SEARCH FOR MEANING IN MODERN ART, 1964:2). Apakah yang boleh anda fahamkan dari pendapat ini? Adakah ini suatu ciri yang khusus kepada kesenian moden sahaja? Adakah pemerhatian begini tentang kesenian moden wajar kalau kita ambil kira apa yang dinyatakan oleh Eugene Delacroix, iaitu, "Seni merupakan sebuah jam yang berjalan terlalu pantas bila diukur dengan kesedaran masa orang awam"? (THE SEARCH FOR MEANING IN MODERN ART, 1964:5).
5. "Fasa yang dimasuki oleh seni selepas Revolusi Perancis dan khususnya semenjak peralihan ke abad ke-20, menunjukkan dengan lebih ketara kewujudan kebebasan pengkaryaan artistik dari kehendak-kehendak kumpulan-kumpulan sosial atau kepercayaan agama yang tertentu... Dari kacamata seni, ini merupakan satu pencapaian. Tetapi, kalau kita memahami budaya sebagai gabungan segala kuasa yang membentuk kehidupan manusia dan menganggap bahawa seni dahulunya dibentuk oleh kuasa-kuasa ini, kebebasan atau penceriaan menjadi satu hal yang mengharukan." (Alfred Neumeyer, THE SEARCH FOR MEANINGS IN MODERN ART, 1964:3).

Bincangkan reaksi anda kepada hal yang dinyatakan oleh Neumeyer ini. Apakah pendapat anda tentang "kebebasan artistik" tersebut? Kenapakah kebebasan ini "satu hal yang mengharukan"? Dan, bagaimanakah ianya juga merupakan satu pencapaian untuk seni? Adakah kebebasan ini penting dalam "teori" penghasilan kesenian moden?

6. Apakah yang dimaksudkan dengan "...kuasa penggerak disebalik arkitektur moden ialah imaginasi plastiknya"? (Alfred Neumeyer, THE SEARCH FOR MEANING IN MODERN ART, 1964:11). Adakah pemerhatian tentang arkitektur modern ini wajar dan bermakna, pada pendapat anda? Seterusnya, bagaimanakah International Style dikatakan telah memperhebatkan lagi arkitektur moden dari segi "plastisiti di ruang" (plasticity in space)?
7. "Sememangnya, peralihan daripada 'arca bertubuh' (sculpture of the body) kepada 'arca berbentuk' (sculpture of shapes) telah menafikan kemanusiaan dalam seni, tetapi dalam proses itu, arca telah dimanfaatkan dengan dayacipta yang lebih spontan yang memberinya keupayaan pengubahan atau 'flexibility' plastik dan tema." (Alfred Neumeyer, THE SEARCH FOR MEANING IN MODERN ART, 1964:68).

Jelas dan bincangkan apa yang dimaksudkan oleh Neumeyer di sini sehubungan dengan "teori" seni modennya.

8. Berkenaan dengan senilukis moden, Alfred Neumeyer mengatakan bahawa "kewujudannya adalah bukti keperluan kewujudan tersebut." Apakah yang boleh anda katakan sebagai sikap Neumeyer terhadap senilukis moden? Mengikutnya, apakah pencapaian-pencapaian senilukis "tidak bergambar" atau "nonrepresentational"? Adakah anda bersetuju dengan pendiriannya bahawa kita harus bersimpati dan berempati (empathize) dengan senilukis moden atau langsung menafikannya? (Alfred Neumeyer, THE SEARCH FOR MEANING IN MODERN ART, 1964:136).

-ooo000ooo-